

▼22/05/17-51MST

CNS5134

U GB 22-05 00191 BC189

AAB

Mahathir-Kepimpinan

(EMBARGO: Untuk Siaran Selepas Pukul 10 malam ini, 22 Mei)

MALAYSIA AKAN TERUS KEKAL BERSATU DAN PROGRESIF

I

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Malaysia, yang penduduknya yang berbilang bangsa akan terus kekal bersatu dan progresif melalui ciri-ciri kepimpinan yang betul.

Katanya, para pemimpin masa depan Malaysia di abad ke-21 akan menghadapi pelbagai cabaran dalam mengekalkan kemajuan ekonomi negara dan mengekalkan perpaduan utuh penduduknya yang berbilang bangsa.

Tanggungjawab memastikan rakyat bersatu merupakan cabaran terbesar generasi ini, dan ia adalah sukar kerana kumpulan etnik, agama dan kebudayaan yang berbeza, kata Dr Mahathir semasa merasmikan Persidangan Kepimpinan Dunia yang diadakan selama dua hari di sini, malam ini.

"Ia merupakan cabaran bagi generasi akan datang Malaysia. Kita perlu melihat kepada keadaan di Bosnia, Rwanda, bekas USSR dan negara-negara lain untuk menyedari akan kesan daripada konflik puak, etnik dan agama," katanya.

Beliau juga berkata negara tidak boleh berasa puas hati dan hilang daya saing antarabangsa yang disenaraikan oleh Forum Ekonomi Dunia sebagai negara keempat paling berdaya saing di dunia. -- Lagi.

▼22/05/20-40MST

▲
CNS5136

U GB 22-05 00185 BC190

AAB

Mahathir-Kepimpinan 2 Kuala Lumpur (Embargo)

"Malaysia merupakan negara yang bernasib baik tetapi kejayaan kita tidak datang semata-mata melalui nasib. Kejayaan Malaysia hari ini ialah kerana semangat dan kebijaksanaan pemimpin-pemimpin masa lepas kita yang bersedia menerima perubahan dan menggerakkan rakyat kita untuk menerima perubahan," katanya.

"Bagaimanapun, sekarang kita berada di ambang abad ke-21, kita perlu melakukan lebih daripada itu. Kita mesti melihat masa depan dengan keyakinan dan iltizam," katanya.

Beliau menyifatkan persidangan itu yang dianjurkan Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (Asli) sebagai tepat pada masanya kerana abad ke-21 akan merupakan abad bagi Asia dan zaman kepimpinan Asia kerana benua ini akan muncul sebagai penggerak utama pertumbuhan ekonomi sejagat.

Katanya, beliau berharap di kala pakar-pakar Barat mengkaji perkembangan dan kemajuan Asia Timur yang menggalakkan, mereka tidak akan cuba untuk mengenakan norma dan standard Barat.

"Sebagai negara baru, yang memperkembangkan sistem nilai dan amalan kita sendiri, kita perlu mengekalkan kemajuan pesat kita. Kita perlu sentiasa bersedia untuk belajar daripada orang lain tetapi pilihan itu perlu dibuat oleh kita sendiri," katanya. -- Lagi.

TCL AZ.

▼22/05/20-46MST

CNS5137

U GB 22-05 00168 BC191

AAB

Mahathir-Kepimpinan 3 Kuala Lumpur (Embargo)

Dr Mahathir berkata keamanan dan kestabilan yang berterusan adalah penting bagi Asia Timur untuk melindungi pencapaian yang telah dinikmati oleh rantau ini, yang tanpa ciri-ciri itu pertumbuhan ekonomi jangka panjang tidak mungkin dicapai.

Beliau berkata para pemimpin menghadapi cabaran besar dalam memberi motivasi kepada pengikut mereka dengan satu wawasan yang boleh menyediakan haluan strategik dan membantu mengubah sikap dan tabiat mereka.

Sehubungan itu, sektor swasta dan kerajaan harus memperbaharui diri masing-masing menerusi perancangan pembangunan dan penggantian pemimpin yang teliti, kata beliau dan menyeru para pengusaha dan ketua eksekutif Malaysia supaya merancang proses pengambil-alihan kepimpinan secara teratur bagi mencapai pembaharuan organisasi yang berjaya.

Dr Mahathir berkata satu lagi dimensi kepimpinan yang penting yang perlu ditangani dengan berkesan ialah etika pengurusan dan perniagaan.

Beliau juga berkata bahawa syarikat-syarikat Malaysia harus berusaha untuk menjadi lebih inovatif dan kreatif kerana dua aspek itu adalah kunci kepada faktor kejayaan bagi pengurusan abad ke-21. -- Lagi.

▼22/05/20-54MST

CNS5138

U GB 22-05 00085 BC192

AAB

Mahathir-Kepimpinan 4 (Akhir) Kuala Lumpur (Embargo)

Dr Mahathir memberitahu perhimpunan itu bahawa pendidikan dan pembangunan sumber manusia akan terus menjadi teras kepada rancangan dan strategi Malaysia di masa akan datang dan ia berhasrat untuk menjadi pusat kecemerlangan pendidikan bagi rantau ini.

Beliau berkata Malaysia menyambut baik penyertaan universiti dan tenaga pengajar asing bukan sahaja untuk melatih 19 juta rakyatnya tetapi juga untuk menjadikan Malaysia sebagai pangkalan bagi Asia Tenggara. -- Bernama

TCL MZ AZ.